



Ruj. Kami : KMCJ/2026(3)  
Ruj. Tuan :  
Tarikh : 6 Zulkaedah 1447H  
24 April 2026

### **Kepada yang berkenaan**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### **JEMPUTAN MENGHADIRI KURSUS ASAS KEHAKIMAN SUKAN MEMANAH 2026**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kelab Memanah Chekgu Janggut (KMCJ) akan menganjurkan Kursus Asas Kehakiman Sukan Memanah 2026 pada ketetapan seperti berikut:

Nama Kursus : Kursus Asas Kehakiman Kebangsaan Siri 5 2026  
Tarikh : 4-5 Julai 2026  
Tempat : Dewan Auditorium  
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam  
Bangi, Selangor


3. Matlamat kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan serta pengetahuan asas dalam bidang kehakiman sukan memanah selaras dengan undang-undang yang ditetapkan oleh *World Archery*. Kursus ini terbuka kepada semua calon yang berminat sebagai pra syarat mengikuti Kursus Kehakiman Kebangsaan bagi akreditasi Sijil Hakim Negeri (SJ) dan Kelayakan sebagai Hakim Kebangsaan (NJC). Sehubungan dengan itu, dengan penuh rasa hormat kami menjemput guru-guru, tenaga pengajar sukan memanah dan semua penggiat sukan untuk menyertai kursus ini.

4. Bersama-sama ini dilampirkan maklumat kursus untuk perhatian dan rujukan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan selanjutnya. Segala perhatian, kerjasama dan sokongan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan terhadap kursus ini adalah amat dihargai dan dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“SAHSIAH \* ISTIQAMAH \* MUHASABAH”**

Yang benar,

  
**(ZARINA BINTI NORDIN)**  
Setiausaha  
Kelab Memanah Chekgu Janggut (KMCJ)

**1. PENDAFTARAN KURSUS**

Pendaftaran dan bayaran kursus hendaklah dijelaskan melalui sistem MAREOS di <https://mareos.masarchery.org>

**2. PENGINAPAN**

Penginapan tidak disediakan. Sila YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hubungi urusetia sekiranya memerlukan maklumat hotel/rumah tamu yang berhampiran.

**3. PENYEDIAAN MAKAN DAN MINUM**

Sarapan pagi, makan tengahari dan minum petang akan disediakan untuk semua peserta kursus.

**4. HUBUNGI KAMI**

Sebarang pertanyaan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh berhubung terus dengan urusetia seperti berikut:

- (i) En. Mohd Ridzuan Bin Ahmad (012-684 9494)
- (ii) En. Abdullah Syukri bin Ahmad (012-945 1563)
- (iii) Pn. Zarina Binti Nordin (012-2912024)